

SULIT  
3757/2  
EKONOMI  
ASAS  
KERTAS 2  
2011  
2 jam

Dapatkan Skema di [www.banksoalanspmg.com](http://www.banksoalanspmg.com)



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN PERLIS

---

### EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini *mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.**
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**Bahagian A**

[75 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini.*


1. (a) Terangkan sumber ekonomi yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang. [4markah]
- (b) Petikan berikut adalah berkaitan dengan firma A.

Firma A sebuah kilang mengeluarkan barangan elektrik bercadang mengeluarkan cerek elektrik dan menanggukkan periuk nasi.


Merujuk kepada situasi di atas, bagaimanakah Firma A menyelesaikan masalah ekonomi?

[5markah]

- (c) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi.



Gambar 1



Gambar 2

- i) Nyatakan jenis barang yang terlibat dari sudut ekonomi. [2markah]
- ii) Bezakan kedua-dua jenis barang tersebut. [4markah]

**SULIT**

(d) Jelaskan bagaimanakah Sistem Ekonomi Islam menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

i) Bagaimana hendak dikeluarkan [2markah]

ii) Untuk Siapa hendak dikeluarkan [2markah]


(e) Jadual di bawah ini berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Zayani pada satu bulan tertentu.

Butiran	Jumlah (RM)
Gaji	2 000
KWSP	330
Cukai jalan	60
Sewa diterima	500
Dividen daripada unit amanah	200
Cukai pendapatan	50

Hitung pendapatan boleh guna Encik Zayani pada bulan itu. [6markah]

2. (a) (i) Jelaskan konsep tabungan. [3markah]

(ii) Rajah di bawah menunjukkan perubahan keluk permintaan kereta Honda City.



Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan keluk permintaan ke atas kereta Honda City.

[8markah]



**[Lihat sebelah  
SULIT**

(b) Jadual di bawah berkaitan dengan keanjalan harga permintaan.

Jenis barang	Peratus perubahan harga (%)	Peratus perubahan kuantiti diminta (%)
K	20	40
L	30	30

- (i) Berdasarkan jadual di atas, berapakah nilai keanjalan harga permintaan bagi barang K. [1markah]
- (ii) Berdasarkan nilai keanjalan, terangkan strategi yang boleh diambil oleh pengeluar untuk memaksimumkan keuntungan bagi barang K dan Barang L. [4markah]

(c) Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran bagi barang Z.



Jelaskan perbezaan antara kedua-dua keluk penawaran tersebut.

[4markah]

- (d) Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma

Bilangan Buruh (Orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (Unit)
0	0	0	0
1	10	10	10
2	25	12.5	15
3	45	15	20
4	60	15	15
5	70	14	10
6	75	12.5	5
7	75	10.71	0
8	70	8.75	-5

Jelaskan hubungan antara buruh dengan keluaran purata dan keluaran sut.  
[5markah]

3. (a) Jadual di bawah menunjukkan penawaran Firma Lili dan Firma Lulu.

HARGA	KUANTITI PENAWARAN (unit)	
	FIRMA LILI	FIRMA LULU
10	5	10
20	10	20
30	15	30

Berdasarkan maklumat di atas:

- i) Kirakan penawaran pasaran pada setiap tingkat harga. [3markah]  
ii) Lukiskan keluk penawaran pasaran di atas kertas graf.

[Dengan skala 2 cm: 5 unit pada paksi kuantiti dan skala 2 cm:RM 10 pada paksi harga.] [4markah]


- iii) Terangkan pembentukan keluk penawaran pasaran di atas. [4markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

SULIT

- b) Nyatakan konsep keseimbangan pasaran. [2markah]

Gambar di bawah menunjukkan perbualan berkaitan dengan aliran pusingan ekonomi dua sektor.



- c) Berdasarkan perbualan di atas, lukiskan aliran pusingan ekonomi 2 sektor. [6markah]
- d) Bezakan aliran fizikal dan aliran wang. [4markah]
- e) Jelaskan konsep skim perbankan Islam yang berikut:
- i) Wadiah [1markah]
  - ii) Mudharabah [1markah]

SULIT

4. (a) (i) Nyatakan bagaimana Institusi Kewangan Bukan Bank menggalakkan tabiat menabung di kalangan masyarakat. [5markah]
- (ii) Jadual menunjukkan peratus sumbangan sektor ekonomi kepada gunatenaga Malaysia dari tahun 1960 hingga tahun 2000.

Peratus Sumbangan Sektor Ekonomi Kepada Guna Tenaga Malaysia					
Tahun \ Sektor	1960	1970	1980	1990	2000
Sektor Utama	61.3	53.1	38.5	28.4	15.6
Sektor kedua	9.8	15.4	20.1	25.9	35.7
Sektor ketiga	28.9	31.5	39.5	45.7	48.7

(sumber :laporan Ekonomi Malaysia,pelbagai keluaran)

Terangkan kesan daripada perubahan tersebut. [5markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan sebuah projek di bawah perbelanjaan pembangunan.




- i) Jelaskan konsep perbelanjaan pembangunan. [2markah]
- ii) Nyatakan jenis sektor perbelanjaan tersebut. [1markah]
- iii) Jelaskan dua jenis sektor lain di bawah perbelanjaan pembangunan. [4markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

- c) Berikut perbualan antara dua orang sahabat mengenai ketidakstabilan ekonomi.


Seronok dapat bonus tapi harga barang semuanya naik.

Yelah! Duit gaji pun semakin tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian.



- i) Apakah keadaan ekonomi yang dihadapi oleh mereka? [1markah]
- ii) Bagaimanakah kerajaan melalui belanjawan negara dapat mengawal keadaan yang dinyatakan dalam perbualan tersebut. [7markah]

5. (a) Gambar di bawah berkaitan dengan Perdagangan Antarabangsa.



Emm... sedapnya buah epal ni!  
Walaupun tinggal di Malaysia,  
tetapi masih boleh menikmati  
epal dari New Zealand.

Berdasarkan gambar di atas, huraikan kelebihan lain bagi negara yang menjalankan perdagangan antarabangsa.

[8markah]

(b) Jadual menunjukkan maklumat imbalan pembayaran negara Malaysia pada satu tahun tertentu.

BUTIRAN	RM (juta)
Eksport kelapa sawit	252
Import Komponen kereta	210
Tambang dan Insurans	-406
Import jentera	321
Eksport getah	560
Perjalanan	110
Dividen	-50
Pindahan bersih	-70
Pengangkutan	40

Berdasarkan jadual di atas hitungkan:

- i) Imbangan akaun dagangan [2markah]
- ii) Imbangan akaun perkhidmatan [2markah]
- iii) Imbangan akaun semasa [2markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

**Bayam, brokoli dari Jepun diharamkan**

Tokyo 26 Mac, Malaysia menggantung pengimportan 11 produk pertanian dari negara ini termasuk bayam dan brokoli kerana disahkan telah dicemari bahan radiasi nuklear. Duta Malaysia di Jepun, Datuk Shahrudin Md. Som berkata, "langkah tersebut diambil bagi mengelakkan produk pertanian tersebut dibawa masuk ke Malaysia."

Dipetik dari Utusan Malaysia.

Selain sekatan yang dinyatakan dalam petikan di atas, terangkan jenis sekatan lain yang dibuat oleh kerajaan Malaysia apabila menjalankan perdagangan antarabangsa. [6markah]

(d) Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing bagi setiap Ringgit Malaysia berbanding dengan Pound Sterling pada tahun 2008 dan 2009

Matawang Asing	Tahun 2008	Tahun 2009
Pound Sterling	0.156	0.167

Huraikan kesan ke atas imbangan dagangan Malaysia akibat perubahan kadar pertukaran asing pada tahun 2008 berbanding 2009.

[5markah]

**Bahagian B**  
[25markah]  
Soalan ini **wajib** dijawab

En. Jozan ialah seorang lepasan dari Institut Latihan Perindustrian di Utara tanah air. Beliau bekerja di Kilang Mega Green sebagai juruteknik mesin dengan gaji sebanyak RM 1300 sebulan. En. Jozan boros berbelanja kerana tidak pernah merancang perbelanjaannya. Sikapnya ini menyebabkan beliau sentiasa menghadapi masalah kewangan.

Berikut merupakan perbelanjaan beliau pada suatu bulan.

Butiran	RM
Gaji	1300
Ansuran motosikal	120
Makanan	300
Hiburan	350
Pakaian	400
Bil-bil	200
Petrol	150

Pada bulan Oktober, negara telah mengalami kemelesetan ekonomi. Banyak kilang tidak dapat meneruskan operasi dan ramai pekerja telah diberhentikan termasuklah kilang tempat En. Jozan bekerja. Beliau mengambil keputusan pulang ke kampung untuk meneruskan perusahaan kerepek milik keluarganya.

Setelah enam tahun beroperasi, perniagaan kerepeknya telah berkembang pesat di dalam negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Kerepeknya telah dieksport ke Negara Thailand, Singapura dan Brunei.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Nyatakan sektor pekerjaan yang diceburi oleh En. Jozan. [1markah]
- (b) i) Adakah anda bersetuju dengan perbelanjaan yang dibuat oleh En. Jozan?  
Berikan alasan. [4markah]
- (ii) Sediakan satu penyata belanjawan peribadi yang sistematik bagi En. Jozan. [5markah]
- (c) Jelaskan dua cara Bank Pusat mengatasi masalah kemelesetan ekonomi. [6markah]
- (d) Adakah anda bersetuju dengan cadangan En. Jozan untuk pulang ke kampung.  
Beri dua alasan. [3markah]
- (e) Bezakan jenis perdagangan yang diceburi oleh En. Jozan. [6markah]